



Hubungan Khurafat dengan Ajaran Sesat

Muhammad Rashidi Wahab

Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Sejarah kemunculan ajaran sesat mula dikesan seawal zaman Rasulullah SAW lagi. Kumpulan pertama diketuai oleh Aswad al-'Unsi, seorang ahli nujum yang mendakwa dirinya menjadi penguasa dan nabi di Yaman. Kumpulan kedua diketuai oleh Musaylamah al-Kazzab yang juga mendakwa dirinya menjadi nabi. Menurutnya, separuh bumi merupakan miliknya dan separuh bumi lagi milik Rasulullah SAW. Kumpulan ketiga diketuai oleh Tulayhah Khuwaylid yang turut mendakwa dirinya menjadi nabi. Perkara ini berlanjutan sehingga zaman Khalifah al-Rasyidin dengan kemunculan beberapa lagi kumpulan ajaran sesat. Pada pengakhirannya, sebahagian kumpulan ajaran sesat tersebut telah dibunuh oleh para sahabat dan sebahagian yang lain bertaubat kembali kepada ajaran Islam.

Walau bagaimanapun, berdasarkan beberapa karya awal ulama Ahli Sunah Waljamaah seperti *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin* karangan Imam al-Asy'ari (m. 324H), *al-Farq Bayna al-Firaq* karangan Imam al-Baghdadi (m. 429H), *al-Milal wa al-Nihal* karangan Imam al-Syahrastani (m. 548H), *I'tiqadat Firaq al-Muslimin wa al-Musyrikin* karangan Imam al-Razi (m. 606H) dan lain-lain, didapati pemikiran penyeleweng dan ajaran sesat terus berkembang dalam dunia Islam selepas zaman khalifah al-Rasyidin. Bagi menghadapi situasi ini, para ulama ketika itu telah mengambil langkah proaktif bagi menjaga akidah umat Islam.



Mereka berusaha menentang aliran dan fahaman tersebut dengan memberikan penjelasan sama ada melalui tulisan atau lisan, seperti menerusi kuliah pengajian dan perdebatan.

Sebagai contohnya, Imam al-Ghazali (m. 505H) selain terkenal dengan kritikan keras terhadap falsafah melalui karyanya *Tahafut al-Falasifah*, beliau juga tegas melawan golongan sesat Batiniyyah. Melalui karyanya *Fada'ih al-Batiniyyah*, beliau menjelaskan bahawa golongan Batiniyyah berasal daripada Syiah (Isma'iliyyah). Asas pemikiran mereka bercampur aduk dengan falsafah Greek dan kepercayaan serta amalan kuno, terutamanya dari Parsi, namun mendakwa mereka adalah daripada Islam. Mereka percaya bahawa setiap perkara zahir mempunyai makna batin yang hanya diketahui oleh Imam Mahdi (menurut versi mereka) dan para imam mereka sahaja. Oleh itu, golongan Batiniyyah mentafsirkan dan mentakwilkan nas al-Quran sesuka hati dengan pelbagai maksud yang disifatkan sebagai makna batin.

Melalui tempoh yang panjang, seiring dengan tersebarnya agama

Islam di seluruh dunia, pemikiran ajaran sesat turut berkembang di banyak tempat termasuklah di Malaysia. Berdasarkan rekod, kumpulan ajaran sesat terawal yang dikesan ialah ajaran Taslim yang dibawa oleh Haji Ahmad Matahari pada tahun 1870-an di Kampung Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Antara ciri ajaran Taslim termasuklah tidak perlu solat kerana Allah SWT ada dalam badan apabila kita telah mengucap, solat dilakukan hanya secara niat, Haji Ahmad Matahari dikatakan menjadi pengganti Rasulullah SAW, Islamnya seseorang itu hanya sah apabila dia berjumpa dengan rasul di Kampung Seronok, menunaikan haji hanyalah cukup atau sekadar mendaki Bukit Payong di Bayan Lepas, Pulau Pinang dan bernikah secara batin.

Jadi, apakah yang dimaksudkan dengan ajaran sesat? Secara umumnya, ajaran sesat ialah ajaran yang menyeleweng daripada agama Islam yang sebenar. Secara khususnya, menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ajaran sesat ialah "sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam

"Ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah Islamiah."

yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah Islamiah, bertentangan dengan al-Quran dan sunah, bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan Ahli Sunnah Waljamaah". Dari sudut penggunaan pula, istilah ajaran salah turut sinonim dengan ajaran sesat. Dalam bahasa Arab, ajaran sesat disebut sebagai *al-firqah al-dallah*.

Sorotan menunjukkan bahawa terdapat beberapa bentuk ajaran sesat. Satu daripadanya ialah ajaran berasaskan kepercayaan dan amalan tradisi yang berhubung kait dengan perkara mistik. Kemunculan ajaran sesat bentuk ini sedikit banyak disumbangkan oleh faktor sejarah masyarakat Melayu pada zaman silam, iaitu sebelum kedatangan agama Islam. Masyarakat Melayu ketika itu sebahagiannya berpegang pada fahaman animisme dan dinamisme. Mereka percaya pada anasir roh yang dapat memberikan kesan dalam kehidupan manusia. Mereka juga percaya wujudnya tenaga dalaman pada pelbagai benda di alam ini. Lanjutan itu, timbul amalan pemujaan terhadap roh yang ghaib untuk menguasai tenaga dalaman atau batin. Perkara ini ditambah lagi dengan pengaruh agama Hindu dan Buddha pada ketika itu yang didapati selari dengan amalan tersebut.

Lama-kelamaan, amalan itu menjadi sebatik dalam masyarakat, seterusnya menjadi satu adat yang dipercayai dan diterima oleh kebanyakan orang. Apabila pendakwah Islam datang di rantau

Nusantara, yang dikatakan paling awal ialah pendakwah daripada golongan sufi, para raja telah didakwah untuk memeluk agama Islam dan kemudian diikuti oleh seluruh rakyat. Namun begitu, disebabkan beberapa kekangan, aktiviti mengajar agama Islam lebih tertumpu kepada para raja dan pembesar, serta di kawasan bandar perdagangan. Keadaan ini menjadikan sebahagian rakyat yang baru memeluk agama Islam, terutamanya yang tinggal di pedalaman, tidak mendapat pengetahuan yang secukupnya mengenai ajaran Islam. Oleh itu, mereka meneruskan sahaja pelbagai kepercayaan yang menjadi amalan dan adat mereka sebelumnya.

Hal ini dikatakan demikian kerana mereka merasakan amalan dan adat tersebut tidak salah di sisi Islam. Bahkan sebahagian mereka melihat agama Islam dan agama lain, khususnya Hindu dan Buddha, adalah hampir sama melainkan berbeza dari sudut yang kecil seperti lafaz syahadah. Maka itu, bermulalah percampuran antara umat Islam dengan amalan dan adat tersebut, yang pada hari ini dikenali sebagai khurafat. Menurut JAKIM, khurafat ialah "semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang daripada ajaran Islam". Secara mudahnya, khurafat difahami oleh kebanyakan orang sebagai kepercayaan yang karut-marut, dongeng dan tahyul yang dilakukan oleh umat Islam.

Amalan khurafat ini dapat dilihat dengan jelas melalui aktiviti pemujaan, perbomohan, perubatan dan kesaktian yang masih berlaku

hingga sekarang. Selain itu, adat yang khurafat juga dapat dilihat dalam perkara berikut, seperti adat upacara pemujaan pantai, adat berubat menggunakan bantuan makhluk halus atau hantu, adat membuang ancah, adat percaya kepada khadam atau penunggu dan menjamu mereka, adat melenggang perut wanita hamil, adat pemujaan kubur keramat dan adat pemujaan semangat padi. Semua adat ini secara langsung turut menyebabkan berkembangnya ilmu sihir dalam masyarakat Islam pada ketika itu. Malah, daripadanya juga berkembang ilmu hitam, seperti ilmu kebal, ilmu santau, ilmu pukau dan ilmu penunduk atau ilmu pengasih, tetapi disulami dengan ayat al-Quran.

Dalam hal ini, JAKIM telah menyenaraikan sekurang-kurangnya enam ciri khurafat yang membawa kepada ajaran sesat, iaitu "ia tidak didasarkan pada nas-nas syarak sama ada al-Quran atau hadis, ia merupakan cerita-cerita rekaan, dongeng, khayalan atau kepercayaan karut, ia bersumberkan kepercayaan-kepercayaan lama dan adat yang bercanggah dengan Islam, ia berbentuk pemujaan dan perbomohan kepada makhluk halus untuk tujuan yang memudaratkan dan menyeleweng daripada akidah Islam, ia menggunakan objek-objek tertentu, seperti kubur, pokok dan sebagainya untuk tujuan yang tertentu, dan ia menggunakan unsur-unsur negatif pada akidah dan syaria Islam". Ciri-ciri yang dinyatakan tersebut penting untuk diketahui supaya umat Islam tidak terjebak dalam amalan khurafat.

Jika diteliti secara mendalam, setiap kumpulan ajaran sesat di



Gambaran upacara lenggang perut.

Malaysia pasti tidak lari daripada mempunyai ciri-ciri tersebut. Mengambil contoh Kerajaan Langit (Ayah Pin), selain penyelewengan dari aspek pemikiran akidah seperti mengaku sebagai tuhan, terdapat juga beberapa amalan berbentuk khurafat lain yang diamalkan oleh kumpulan mereka. Antaranya termasuklah upacara membakar al-Quran dan abunya dilumurkan pada badan Ayah Pin, jampi serapah bagi menunaikan hajat, dan sebagainya. Pengikutnya juga mempercayai bahawa Ayah Pin berkuasa menyembuhkan segala penyakit dan mengetahui perkara ghaib termasuk menentukan syurga atau neraka seseorang. Begitu juga bagi kumpulan ajaran sesat lain yang muncul dengan pelbagai nama dan wajah baharu, akan mempunyai ciri-ciri khurafat pada mereka.

Suatu yang pasti, usaha bersungguh-sungguh para ulama silam tempatan untuk menyampaikan ajaran Islam sebenar telah membuahkan hasil apabila amalan khurafat semakin berkurangan dari semasa ke semasa. Namun demikian, harus diakui bahawa untuk menanganinya bukanlah suatu tugas yang mudah. Mereka

terpaksa menempuh bermacam-macam halangan dan dugaan, ditambah lagi dengan kekangan yang ada seperti perhubungan komunikasi yang sangat terbatas. Maka itu, bukanlah menjadi suatu yang menghairankan jika masih terdapat sebilangan umat Islam pada ketika itu yang berpegang pada amalan khurafat. Walau bagaimanapun, dalam konteks semasa di Malaysia, pada era Revolusi Perindustrian 4.0 kini, tidak dapat diterima akal jika masih terdapat orang Islam yang mengamalkan khurafat.

Dari peringkat sekolah lagi, para pelajar telah diajar mengenai penyelewengan ajaran sesat yang merosakan akidah, termasuklah amalan khurafat. Bahkan dengan capaian media massa 24 jam sehari, mustahil umat Islam tidak mengetahui bahawa amalan khurafat bercanggah dengan ajaran Islam. Perkara ini pernah disuarakan oleh Zakaria Stapa melalui artikelnya bertajuk "Khurafat Masalah Akidah yang Belum Selesai" dalam majalah *Dewan Tamadun Islam* Bil. 3/2019. Menurutnya, "dimanakah silangnya sebahagian umat Islam hari ini sekalipun bersolat, berpuasa dan mengerjakan haji, berpendidikan tinggi, tetapi pada masa yang sama mereka masih mengamalkan khurafat. Keadaan ini paling tidak menunjukkan bahawa kurangnya penghayatan terhadap agama Islam, dan bukannya kurang pengetahuan".

Pandangan sama turut dikongsi oleh Engku Ahmad Zaki Engku Ali dalam bukunya *Ajaran Sesat di Malaysia* yang menyatakan bahawa kurangnya penghayatan antara faktor utama ajaran sesat berasaskan khurafat

terus berkembang di Malaysia. Masalah ini kian mencabar pada masa ini apabila perkara khurafat mula ditawarkan melalui komunikasi secara dalam talian. Antaranya termasuklah jualan barang-barang keramat seperti tangkal atau keris kecil sakti dan perkhidmatan bomoh yang boleh menunaikan hajat secara jauh (melalui angin). Maka itu, tidak hairanlah hingga kini terdapat ratusan kumpulan ajaran sesat yang dikesan di seluruh negara dan sebahagian besarnya telah difatwakan menyeleweng daripada ajaran Islam. Dalam erti kata lain, apabila terdapat permintaan yang tinggi, maka sudah tentu akan wujud juga penawaran yang tinggi.

Sebagai rumusan daripada perbincangan ini, dapat difahami bahawa kepercayaan dan amalan khurafat termasuk dalam salah satu bentuk ajaran sesat. Mereka yang terlibat telah meletakkan keyakinan dan kepercayaan kepada makhluk lain selain Allah SWT, iaitu jin dan syaitan. Perbuatan tersebut jelas bertentangan dengan agama Islam yang hanya meletakkan dasar keimanan kepada Allah SWT selaku Tuhan sekalian alam. Implikasi berpegang pada perkara khurafat ini memberikan kerosakan kepada akidah mereka yang terlibat kerana melakukan amalan yang dikategorikan sebagai syirik dan sesat. Bagi mengekang penularan ajaran sesat khurafat ini, semua pihak perlu berganding bahu bekerjasama mengikut peranan masing-masing untuk menjelaskan tentang bahaya khurafat kepada setiap umat Islam agar umat Islam tidak mudah terpedaya dengan tarikan ajaran sesat khurafat ini. 🌟